

Berita Minggu, Ahad, 7 Mei, 1978

# Tindakan Kerajaan bukan nak menang pilihanraya

KUANTAN, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyangkal tuduhan kononnya tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap pemimpin atau tokoh parti lawan bertujuan menjamin kemenangan Umno dalam pilihanraya akan datang.

Bellau mensifatkan tuduhan itu tidak berasas kerana Kerajaan juga sanggup mengambil tindakan terhadap

OLEH WAN RAHMAN

pemimpin-pemimpin Umno sendiri demi kepentingan undang-undang walaupun tindakan itu tidak popular.

Timbalan Perdana Menteri menegaaskan bahawa Kerajaan tidak memilih bulu dalam menguatkuasakan undang-undang.

Katanya, sesiapa saja kecil atau besar, dari parti Kerajaan atau parti lawan, tindakan akan diambil jika mereka melanggar undang-undang negara.

Bellau menjelaskan sikap ini semata-mata bertujuan menjamin keutuhan Kerajaan yang dibentuk atas sokongan rakyat.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kuantan di Tapian Gelanggang di sini, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, keberanian Umno menentukan sikap seperti itulah yang menyebabkan keistimewaan parti itu dan mengekalkan kuasanya.

Bellau menarik perhatian bahawa masa ini, bila Kerajaan mengambil tindakan terhadap setengah pemimpin parti lawan yang melanggar undang-undang, timbul tuduhan kononnya tindakan itu untuk muslihat politik supaya parti yang memerintah menang pilihanraya.

Katanya, jika untuk mencapai kemenangan pilihanraya dan tidak untuk kepentingan undang-undang, sudah tentu tindakan terhadap beberapa tokoh dalam parti Kerajaan tidak diambil kerana ini menyebabkan Kerajaan tidak popular.

Bellau menegaskan, Kerajaan lebih mengutamakan undang-undang dari kepentingan individu dan kalau ini diketepikan satu masa nanti UMNO tidak popular lagi kerana rakyat akan memandang seperti terhadap Kerajaan.

"Kita ingin mengekalkan terus cara pentadbiran yang ada sekarang pada masa-masa akan datang kerana sokongan kepada parti dan Kerajaan selama ini bukan sahaja dari ahli-ahli UMNO tetapi dari orang lain juga," ujarnya.